

KATEKESE@RUMAH 2021 #21

AKULAH ROTI KEHIDUPAN

(Hari Minggu Biasa Ke – 19)



Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan,
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



PENGENALAN

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang, membuat refleksi serta melakukan aktiviti-aktiviti berkaitan Bacaan Injil untuk Hari Minggu Biasa Ke-19.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaikannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Ibubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Hari Minggu Biasa Ke-19.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa di Syurga, kami mengucap syukur untuk setiap orang yang berkumpul di sini. Bantulah kami untuk menyedari bahawa Yesus, roti kehidupan, hadir dalam Ekaristi. Semoga kami terus dahaga akan kehadiran Yesus dalam hidup kami. Roh Kudus, pimpinlah kami dalam perhimpunan bersama ahli keluarga kami. Dalam nama Yesus kami berdoa, Amin.



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari **Yohanes 6: 41 – 51**. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsi pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai soalan-soalan tersebut berdasarkan tahap pemahaman anak-anak.

MASA UNTUK RENUNGAN DAN RESPONS:

Dalam bacaan Injil hari ini, Yesus memberitahu kepada orang ramai bahawa Dialah "roti hidup yang telah turun dari syurga". Yesus juga memberitahu mereka bahawa "jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup selama-lamanya, dan roti yang Kuberikan itu ialah daging-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup dunia".

Namun begitu, ramai orang yang tidak gembira mendengar kata-kata Yesus. Ini adalah kerana mereka amat mengenali kedua-dua ibu dan bapa Yesus. Mereka hairan bagaimana seorang yang mereka kenali dari kecil, boleh mengatakan dirinya adalah Mesias. Dia hanyalah anak Yusof, seorang tukang kayu.

- Sekerap mana anda menjadi 'rapat' dengan Yesus, Roti Kehidupan dalam hidup anda, dan dalam Ekaristi?
- Adakah anda benar-benar percaya bahawa Yesus hadir dalam Ekaristi, dan menerima Dia dengan hormat dan kasih yang sejati setiap kali anda menerima Komuni Suci?

Walaupun Yesus beserta dengan mereka, orang-orang Yahudi tidak mengenali dan menerima Yesus sebagai Mesias. Akhirnya, ramai yang meninggalkan Yesus dan menolaknya kerana mereka tidak percaya padanya. Mereka tidak sedar bahawa anugerah yang Yesus berikan adalah dirinya sendiri sebagai Roti Kehidupan.

Dalam situasi semasa, di kala kita tidak dapat hadir untuk Misa di Gereja, kita tidak dapat menerima Yesus, Roti Kehidupan kita, dalam Komuni Suci.

- Apakah perasaan anda apabila anda tidak dapat menerima Yesus dalam Ekaristi Suci?


AKTIVITI-AKTIVITI BERKAITAN

Pada muka surat seterusnya, terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada.

Aktiviti #1: Selesaikan Teka Silang .

YESUS ROTI KEHIDUPAN

Akulah roti hidup yang telah turun dari sorga. Jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup selama-lamanya, dan roti yang Kuberikan itu ialah daging-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup dunia.
(Yohanes 6: 51)



MELINTANG:

4. Memberi perhatian kepada kata-kata menggunakan telinga
5. Untuk menerima sesuatu sebagai kebenaran
7. Berusaha untuk mendengar, untuk memperoleh ilmu

MENEGAK:

1. Untuk masa yang lama, kekal abadi
2. Tidak mati
3. Anak Allah
6. Seseorang yang bercakap bagi pihak Allah
7. Planet ketiga dari Matahari, yang mempunyai hidupa

MENDENGAR
SELAMANYA

YESUS
BELAJAR

HIDUP
NABI

PERCAYA
BUMI

Aktiviti #2: Masukkan Huruf-Huruf Yang Hilang.

YESUS ROTI KEHIDUPAN

Akulah roti hidup yang telah turun dari syurga. Jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup selama-lamanya, dan roti yang Kuberikan itu ialah daging-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup dunia.
(Yohanes 6: 51)



Masukkan huruf-huruf yang hilang untuk membentuk perkataan dari petikan Alkitab di atas.

1. S L M N Y = _____
2. R T = _____
3. S Y R G = _____
4. D G N G = _____
5. D N = _____
6. H D P = _____

Aktiviti #3: Lengkapi Ayat Di Bawah.

YESUS ROTI KEHIDUPAN

Akulah roti hidup yang telah turun dari syurga. Jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup selama-lamanya, dan roti yang Kuberikan itu ialah daging-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup dunia.
(Yohanes 6: 51)



Lengkapi perenggan di bawah dengan memasukkan perkataan yang betul.

Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya barangsiapa percaya, ia mempunyai hidup yang _____. Akulah _____ hidup. Nenek moyangmu telah makan manna di padang gurun dan mereka telah mati. Inilah roti yang turun dari _____: Barangsiapa makan dari padanya, ia tidak akan mati. Akulah roti _____ yang telah turun dari syurga. Jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup _____, dan roti yang Kuberikan itu ialah _____-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup _____.

(Yohanes 6: 47 – 51)

PERCAYA	SYURGA	DAGING	ROTI
HIDUP	DUNIA	KEKAL	SELAMA-LAMANYA

Aktiviti #4: Selesaika teka-teki


Roti Kehidupan

Akulah roti hidup yang telah turun dari sorga. Jikalau seorang makan dari roti ini, ia akan hidup selama-lamanya, dan roti yang Kuberikan itu ialah daging-Ku, yang akan Kuberikan untuk hidup dunia. (Yoh 6:51)



*"I am
the living
bread."*

Teka-Teki ini berdasarkan kepada Injil Yohanes 6:41-51



MELINTANG:

4. Memperolehi pengetahuan melalui kajian atau pengalaman.
5. Putera Allah
6. Melakukan usaha untuk ambil tahu; memberi perhatian.
8. Berterusan untuk kekal bernyawa

MENEGAK:

1. Untuk sepanjang masa; abadi
2. Seorang yang bercakap bagi pihak Tuhan; sebagai contoh; Yesaya
3. Menerima sesuatu sebagai benar dan betul
7. Bumi dengan seluruh penghuninya

HIDUP

PERCAYA

SELAMANYA

NABI

BELAJAR

MENDENGAR


DUNIA

YESUS

Aktiviti #5: Bimbing Orang ramai menuju ke Yesus

“Akulah” ROTI KEHIDUPAN

Pimpin orang ramai menuju Yesus



© Sharefaith Kids. All Rights Reserved. Reproduction or Reselling is forbidden. Not for use without an active SharefaithKids subscription.

Aktiviti #6: Cari Perbezaan.

“Akulah” ROTI KEHIDUPAN

Cari 8 perbezaan didalam kedua-dua gambar



Aktiviti #7: Cari Perkataan.

Y A H U D I W T I G	YAHUDI	
J W E L W N M M B A	BAPA	
B E L A J A R E A Y	IBU	
A N N A M P T N N A	DITARIK	
F G N U R U G D I C	NABI-NABI	
I B U B E D O E B R	MENDENGAR	
K I R A T I D N A E	BELAJAR	
L M F D T H B G N P	PERCAYA	
Q J S J I E Q A H G	MANNA	
D T U A M K D R R R	GURUN	
	MAUT	
	KEHIDUPAN	

Aktiviti #8: Cari Perkataan.


C D E D A R A H R P	HIDUP	
I T M A K A N S K U	ROTI	
M B I U B I M E B D	YAHUDI	
U I O A T N H O Y I	SURGA	
N Q D O X I I M T H	DAGING	
I I R U D Z O V S C	MAKAN	
M J A U H Y N C U I	MINUM	
A M P T A A T K R L	DARAH	
C A R N R H Y T G P	ABADI	
N K G T G N I G A D	KEHIDUPAN	
	BAPA	
	MOYANG	

Aktiviti #9: Warnakan Gambar dan kongsikan cerita ini kepada orang lain.

Akulah Roti Kehidupan



Aktiviti #10: Seni Kraf – Yesus adalah Roti Kehidupan



Bahan yang diperlukan:

1. Templat (lihat dibawah);
2. Sekeping kadbod yang bersaiz lebih besar daripada Templat (mungkin boleh guna bekas kotak kasut),
3. Seulas benang;
4. Gam;
5. Pensil Warna atau pen marker.

Apa yang harus dilakukan?

1. Warnakan ayat "Yesus adalah Roti Kehidupan" dan imej Yesus didalam Templat.;
2. Potong template;
3. Buatlah satu lubang kecil untuk diikat tali;
4. Potong keping Kadboard mengikut bentuk templat; Pastikan saiz bentuk potongan kadboard itu lebih besar sedikit daripada templat (seperti didalam gambar);
5. Lekatkan templat pada Kadboard dan buat satu lubang pada tempat yang sesuai.;
6. Masukkan tali melalui lubang dan ikat kedua-dua hujung tali tersebut.

